

Sandaran K-Siswa Kuala Pahang 1: Realiti atau Ilusi?

Mohd Shafie Bin Bakar¹, Ahmad Johari Bin Mohamad²,
Wan Nazrul Helmy Bin Wan Mohd Zain³ dan Mohd Shaheil Bin Nordin⁴,
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik,
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12,
25000 Kuantan, Pahang
shafie@kuktem.edu.my, johari@kuktem.edu.my,
nazrulhelmy@kuktem.edu.my, CA03066@kuktem.edu.my

Abstrak: Kertas kerja ini menerangkan perihai aktiviti pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) melalui Persatuan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (EEES) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) KUKTEM. Penerangan terperinci aktiviti dan proses berkaitan yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar FKEE telah mendorong kepada implikasi kecemerlangan pelajar-pelajar Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Indera Shah Bandar, Kuala Pahang, Pekan, Pahang pada tahun 2005. Komponen-komponen kemahiran generik seperti *communication skill*, *team working*, *problem solving*, *adaptability*, *self esteem*, *life long learning*, *ethic & integrity* yang diamalkan semasa sesi pembelajaran & pengajaran di FKEE khasnya dan KUKTEM amnya diaplikasikan dalam aktiviti khidmat siswa ini. Penguraian hasil aktiviti juga dipaparkan dengan mengemukakan fakta-fakta yang diperolehi secara rasmi dari pihak sekolah. Fakta ini merangkumi unjuran prestasi akademik sekolah berkenaan dan yang muktahirnya prestasi cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2005. Akhirnya proses penambahbaikan dan perancangan program yang berterusan juga ditunjukkan bagi memastikan anak bangsa di bumi Kuala Pahang, Pekan terus terbilang.

Katakunci: Kemahiran generik.

1. Pengenalan

Maksud kemahiran generik telah lama diperkatakan. Usaha untuk memartabatkan kemahiran ini semakin mendesak bilamana Perdana Menteri Malaysia ke-5, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan bahawa perlunya pembangunan modal insan yang berkualiti dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) baru-baru ini untuk memastikan Malaysia menjadi negara maju dalam acuannya sendiri. Dalam skop persidangan ini kemahiran generik difokuskan kepada *communication skill* (kemahiran komunikasi), *team working* (kerja berkumpulan), *problem solving* (penyelesaian masalah), *adaptability* (kebolehan menyesuaikan diri), *self esteem* (keyakinan diri), *life-long learning* (pembelajaran sepanjang hayat) dan *ethic & integrity* (integriti dan etika).

Dalam Al-Quran Surah Al-Rahman ayat 1- 4 yang bermaksud, “*Tuhan Yang Maha Pemurah. Yang mengajarkan Al-Quran. Dia menciptakan manusia. Mengajaknya pandai berbicara*”. Wan Norjihan Wan Abdullah dalam bukunya bertajuk Panduan Menjadi Fasilitator telah mengulas ayat ini bahawa Allah SWT mengajar kita berkomunikasi [3]. Merujuk kepada Hadith ke-7 di mana agama itu – kata Rasulullah – adalah nasihat dan nasihat itu adalah bagi Allah, bagi kitabNya, bagi RasulNya. Sebab pada nasihat itu mengandungi taat kepada Allah dan Rasulnya, beriman serta beramal dengan kitabNya dan sunnah RasulNya [2]. Elemen ini sangat bersesuaian dalam pembinaan komponen kemahiran generik seperti mana kehendak skop persidangan. Pendek kata secara faktanya unsur-unsur kemahiran generik sudah ada dalam Islam.

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti KUKTEM telah melibatkan diri secara langsung dalam kemahiran generik ini diawal tahun penubuhannya pada 2002. Kemahiran generik yang digunapakai di KUKTEM dinamakan sebagai *Soft Skills* dimana pendekatannya juga mungkin berbeza dibandingkan dengan IPT Awam (IPTA) yang lain. Kami boleh mengisytiharkan bahawa kami mempunyai sistem pangkalan data untuk *Soft Skills* yang pertama di Malaysia. Walaupun sistem ini belum stabil dan perlu kepada proses penambahbaikan yang berterusan namun KUKTEM telah membuktikan bahawa keseriusan kami untuk membina generasi sudah lama dilaksanakan. Ia sangat bertepatan dan sejajar dengan kehendak RMK-9. *Soft Skills* di KUKTEM telah dinilai bersama-sama dengan kursus yang seiringan dengan penawaran kursus berkenaan. Konsep ketrampilan yang digariskan adalah dinilai berdasarkan [4]:

- a) Kemahiran kepimpinan
- b) Kemahiran kerja berkumpulan
- c) Nilai positif
- d) Kemahiran komunikasi
- e) Kemahiran keupayaan pembelajaran

2. Latarbelakang

Projek Khidmat Siswa (K-siswa) adalah aktiviti yang lazim dikendalikan oleh mana-mana persatuan pelajar di KUKTEM khasnya dan mana-mana IPTA yang lain. Pelbagai matlamat telah digariskan bagi setiap persatuan untuk menjayakan projek K-Siswa ini mengikut kesesuaian masing-masing. Tetapi, matlamat utama projek K-Siswa Kuala Pahang yang digariskan oleh jawatankuasa kerja adalah seperti berikut [5]:

- Meningkatkan kemahiran teknikal yang dipelajari semasa di universiti.
- Menyedarkan masyarakat luar bandar tentang kepentingan pendidikan dan ilmu sebagai kaedah untuk mengubah nasib mereka.
- Melahirkan mahasiswa yang sentiasa peka terhadap pembangunan intelektual dan spiritual masyarakat.
- Mempromosikan KUKTEM sebagai institusi pendidikan tinggi yang unik kepada masyarakat luar.

Di atas matlamat dan kesedaran yang tinggi ini empat puluh (40) orang pelajar dari FKKEE dan disertai oleh seorang pegawai dari Pejabat HEPA dan wakil FKKEE telah bersama-sama menjayakan projek berkenaan. Ianya dimulai dengan perancangan yang teliti oleh jawatankuasa kerja dengan pihak sekolah melalui perbincangan dan pertemuan berkala bagi melicinkan lagi projek ini. Melalui tema “Memasyarakatkan Mahasiswa” mereka telah berinteraksi dengan masyarakat di sana dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian budaya setempat. Kompetensi komunikasi yang dipupuk di KUKTEM menjadikan pelajar ini dapat memberikan kesedaran pada masyarakat bahawa signifikasinya kehadiran mereka sebagai jurubicara masyarakat. Yang pastinya kehadiran segerombolan pelajar ini seolah-olah memberi nafas baru kepada pihak sekolah dalam mewarnai dunia pendidikan di Kuala Pahang. Sokongan padu yang diketuai oleh Ustaz Subri Bin Harun selaku Guru Besar Sekolah Kebangsaan Indera Shah Bandar dan para guru benar-benar memotivasikan pelajar KUKTEM untuk terus menyumbangkan bakti kepada masyarakat setempat.

3. Mekanisma Aktiviti

3.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat

Melalui konsep pembelajaran sepanjang hayat yang ditekankan oleh pihak KUKTEM kepada pelajar-pelajarnya, K-siswa adalah antara aktiviti yang dilakukan untuk memastikan penerapannya boleh direalisasikan dalam masyarakat setempat. Penilaian yang berstruktur terhadap kemahiran generik memudahkan para pelajar merasai manfaat darinya. Perbandingan aktiviti dengan dengan matlamat (a – d) ditunjukkan Jadual 1.

Jadual 1: Perbandingan Aktiviti dan Matlamat

No	Aktiviti	a	b	c	d
1	Malam silaturrahim		√		
2	Mengenali industri desa	√			
3	Projek Pembaik Pulih Kemudahan Asas 1			√	
4	Pertandingan Memasak (dewasa) Pertandingan Mewarna (kanak-kanak)		√	√	
5	Kenali KUKTEM				√
6	Sukaneka di SRK Indera Shahbandar			√	
7	Semalam Bersama Penduduk			√	
8	Pertandingan Tarik Tali & Bola Sepak		√		
9	Keluarga Bahagia Masyarakat Sejahtera		√		

3.2 Rintihan Permasalahan

Memandangkan kebanyakan pendapatan perkapita penduduk di Kuala Pahang adalah melalui sumber seperti menjadi nelayan dan kerja sendiri maka aktiviti di dalam Jadual 1 disesuaikan agar kosnya tidak membebankan jawatankuasa kerja mahupun pihak peserta sendiri. Dengan anggaran awal kos sebanyak RM21,500.00 dan kelulusan hanyalah diperolehi sebanyak RM2,500.00 menjadikan jawatankuasa kerja bertungkus lumus dalam memastikan kewangan bukan penghalang kepada kejayaan projek ini. Peruntukan di saat akhir oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang (MAIP) sebanyak RM2,500.00 turut melegakan jawatankuasa kerja. Di antara permasalahan lain yang dihadapi oleh jawatankuasa kerja adalah seperti dalam Jadual 2, [5]:

Jadual 2 : Perincian Permasalahan

Permasalahan	Langkah Mengatasi	Tindakan
Kekurangan wang untuk perbelanjaan kain rentang dan buku program.	Kain rentang dan buku program disediakan sendiri.	Semua AJK terlibat sama
Ketiadaan bas sepanjang projek dilaksanakan.	Van dan Pajero digunakan. Para peserta dibahagikan kepada 4 kumpulan dan dihantar secara bergilir-gilir.	AJK Penyelaras Program
Penginapan peserta lelaki – bilik air tiada bekalan elektrik	Peserta menggunakan lampu suluh.	AJK Teknikal

Masalah yang ada mematangkan pihak jawatankuasa kerja dan diselesaikan dengan cara etika berpasukan yang padu. Sebagai contohnya dengan ketiadaan bas sepanjang projek dijalankan mereka telah memilih alternatif lain dengan membahagikan kepada empat kumpulan dan dihantar secara bergilir-gilir melalui van dan pajero. Perlu ditekankan di sini jarak lokasi aktiviti dengan kampus KUKTEM dengan perjalanan biasa adalah lebih kurang satu (1) jam. Dengan permasalahan yang ada ini, pelajar telah dalam mengaplikasikan teori *problem solving* yang telah diperolehi dalam memastikan program K-Siswa dapat dijalankan.

Manakala pada slot Kenali KUKTEM, telah diperolehi dapatan melalui beberapa siri Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang boleh dirumuskan seperti dibawah [5]:

- a) Seramai 28 orang pelajar Tahun 6 yang tidak boleh membaca.
- b) Mata pelajaran yang perlu diberi perhatian ialah Sains dan Bahasa Inggeris
- c) Kebanyakan pelajar menghadapi masalah kewangan kerana pendapatan keluarga yang tidak tetap

Rumusan pada bahagian (a) di atas benar-benar memperlihatkan dan menguji akan natijah kepada amalan sistem pendidikan peringkat sekolah rendah. Pekakah kita dengan senario ini ? Bagaimana pula jika anak kita termasuk di dalam senarai 28 orang di atas ? Apakah tindakan yang akan kita lakukan ?

Pernyataan permasalahan ini telah menggerakkan aktiviti seterusnya di mana unsur-unsur keprihatinan dan aspek-aspek teknikal dalam pembelajaran diterapkan secara perlahan-lahan kepada pelajar-pelajar. Melalui aktiviti peta minda secara berkumpulan dan pembentangan kecil mula menambahkan bibit keyakinan kepada adik-adik ini. Sebagai melengkapi isu pendidikan di kawasan ini sebanyak dua (2) sesi dialog telah dijalankan. Di antara resolusi yang diperolehi melalui dua sesi dialog berkenaan ialah :

- a) Bagaimana pendekatan dalam bidang agama yang dianjurkan oleh pihak sekolah ?
- b) Adakah kesedaran menuntut ilmu dihalang oleh keluarga mereka sendiri ?
- c) Kebanyakan pelajar lemah dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris.
- d) Terdapat segelintir pelajar yang terlibat dengan masalah sosial.
- e) Masalah dalam sembahyang.
- f) Kurangnya motivasi dalam diri pelajar dan keluarga.
- g) Kurang pendedahan tentang kerjaya.

Dalam era globalisasi di mana manusia sekian lama didedahkan dengan celik IT, isu pengajaran Bahasa Inggeris dalam subjek sains dan matematik dihangatkan serta jejak-jejak pendakian ke Wawasan 2020 sebagai negara maju maka jauh di Kuala Pahang masih kedapatan isu-isu asasi yang belum selesai. Episod-episod di atas membuka mata mahasiswa bahawa tanggungjawab mereka bukan sekadar mendapatkan segulung ijazah/diploma semata-mata tetapi yang lebih penting memerdekakan anak bangsa di bumi sendiri dengan kesedaran pendidikan. Penerapan-penerapan nilai agama yang luntur dengan adanya karat-karat sosial mengelilingi mereka disertai kemelut kemiskinan yang mendesak memungkinkah mereka menempa kejayaan yang sebenar?

4. Kejayaan Sebenar : Realiti atau ilusi ?

Berdasarkan maklumbalas yang dipaparkan dalam bahagian tiga (3) di atas menunjukkan seolah-olah masih banyak kerja yang perlu dilakukan dengan masa yang begitu terbatas. Bahagian ini pula akan memaparkan kejayaan yang diperolehi hasil usahasama dan berkat doa semua pihak. Adakah kejayaan ini hanya ilusi seketika atau sebenarnya realiti yang menggambarkan kebangkitan anak-anak Kuala Pahang sudah sampai detiknya ?

4.1 Rekod UPSR

Memang mudah untuk menempa kejayaan ketika di berada dalam kesusahan. Isu yang paling besar atau menjadi ilusi kepada generasi sekolah akan datang ialah meningkatkan peratusan kelulusan atau sekurang-kurangnya mempertahankan kualiti keputusan yang diperolehi. Jadual 3 menunjukkan peningkatan sebanyak +30.3% bagi

peratus keseluruhan pencapaian memang satu yang di luar jangkaan. Nilai peratus ini akan lebih bermakna jika murid-murid ini menghayati nilai-nilai Islam yang suci. Tanpa penghayatan nilai-nilai agama mungkin sahaja peratus di atas menjadi – 30.3%.

Statistik pada Jadual 4 menunjukkan peningkatan bilangan dalam keputusan gred 5A benar-benar memberikan gambaran bahawa murid-murid ini mula serius dengan dunia pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan gred peperiksaan semata-mata bukanlah ukuran sebenar untuk menilai keseriusan mereka dalam dunia pendidikan. Tetapi kita perlu sama-sama sedar selama ini fakta itulah yang selalu menakutkan dan menghantui fikiran generasi ini untuk tidak maju ke hadapan.

Anda boleh bayangkan bilamana soalan-soalan secara rawak telah dikemukakan apakah citi-cita mereka di masa hadapan ? Jawapan yang diperolehi ialah berkisar untuk menjadi posman, askar, polis atau nelayan.. Bukanlah hajat untuk menghina jawatan-jawatan tersebut tetapi apa yang kita dapat lihat ialah bagaimana anjakan paradigma mereka tidak pergi jauh kerana jawatan-jawatan tersebut hanya dapat dilihat di depan mata mereka di Kuala Pahang. Apabila skop mereka tersepet pada kawasan Kuala Pahang sahaja, ada kemungkinan bila mereka keluar menghadapi dunia luar mereka mungkin akan “mati”.

Jadual 3: Peratus Keseluruhan

	Keputusan 2004	Keputusan 2005	Peningkatan
% Keseluruhan	28.3 %	58.7%	+30.3 %

Jadual 4: Analisa Pelajar Terbaik

Keputusan	2004 (Bil. Pelajar)	2005 (Bil. Pelajar)
5A	0	5
4A, 1B	3	4
4A, 1C	7	1
4A, 1D	1	0
3A, 2B	0	7
3A, 1B, 1C	0	2
Jumlah	11	19

Dari sudut yang lain persediaan menerima perubahan adalah faktor terpenting dalam pembelajaran [3]. Di atas kehadiran jawatankuasa kerja boleh dijadikan faktor kukuh di atas kejayaan mereka ini. Mana tidaknya apabila murid-murid sekolah berkenaan sanggup pulang ke rumah mengambil semula senarai kerja rumah yang diberikan oleh guru mereka dan bersama-sama dengan jawatankuasa kerja untuk menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi. Mungkinkah mereka sudah menerima perubahan ?

5. Kesimpulan

Beberapa agenda proses penambahbaikan yang berterusan amat perlu dilaksanakan agar kualiti pelajar Sekolah Kebangsaan Indera Shah Bandar sentiasa terpelihara. Diantara usaha lain yang boleh difikirkan bersma ialah:

- Memilih calon-calon fasilitator melalui proses temuduga. Ini dapat menjamin kualiti pelajar KUKTEM yang mengikuti projek adalah terbaik dari aspek sikap, kemahiran dan pengetahuan. Ini sekaligus dapat membantu meningkatkan kualiti pelajar sekolah.
- Membuat tindakan susulan terhadap perkembangan akademik pelajar di sekolah berkenaan.
- Mengadakan lawatan berkala agar rangkaian antara pelajar sekolah dan guru-guru terus berkembang.

Kejayaan sekolah yang membanggakan ini perlu dilihat dari pelbagai sudut. Sudut yang pertama ialah apa yang dikatakan sebagai demokrasi pendidikan. Ini bermakna penerapan nilai-nilai Islam ke dalam jiwa pelajar-pelajar sekolah di dalam keadaan mereka yang serba-serbi kekurangan mampu menjana kejayaan yang membanggakan. Justeru anggapan sesetengah pihak mengatakan untuk berjaya kita tidak perlu kepada nilai-nilai Islam adalah teori yang salah sama sekali. Contoh mudah yang boleh kita ambil dari sudut ini ialah pelaksanaan solat. Jika pelajar sekolah ini tidak dididik akan kepentingan solat maka mereka mudah meninggalkan solat. Tinggal solat maknanya

menipu Allah SWT. Kalaulah manusia boleh menipu Allah SWT sudah pastinya apabila murid ini melangkah ke alam kerja akan mudah melakukan korupsi dan lain-lain jenayah kolar biru/putih.

Sudut kedua ialah pembangunan yang tidak seimbang. Sekolah berkenaan telah mempunyai prasarana yang lengkap dengan bangunan baru dan kemudahan teknologi maklumat yang baik. Namun jika pengisian dalaman tidak diacu dengan baik ia tidak akan mampu memberikan pulangan/kejayaan yang baik. Kita mahu pembangunan fizikal dan pembangunan rohani berkadar langsung antara satu sama lain.

Sudut ketiga ialah penerusan generasi mahasiswa sebagai jurubicara masyarakat. Mahasiswa dewasa ini selalu dilabelkan dengan mahasiswa jumud. Taksiran jumud mempunyai peribagai makna. Dengan terjun ke padang oleh para mahasiswa ia dapat meningkatkan nilai kesedaran akan tanggungjawab dan kepentingan sumbangan mereka kepada pembangunan negara amnya dan dunia pendidikan khususnya.

Akhirnya kita semua patut bersetuju, faham dan sedar bahawa untuk membina kejayaan bukanlah memakan masa yang singkat. Tetapi untuk meruntuhkan satu tamadun ia hanya memerlukan sekelip mata. Sesungguhnya pengorbanan ada waktunya. Kita tidak perlu tunggu sehingga bandar Pekan diistiharkan sebagai bandar termoden di dunia barulah kita mahu menyumbangkan sesuatu. Sumbanglah dalam bentuk apa jua kudrat samada melalui harta, tenaga, buah fikiran, doa dan lain-lain dari sekarang agar akhirnya anak bangsa di bumi Kuala Pahang, Pekan terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Rujukan

- [1] AlQuran dan Terjemahannya.
- [2] Mustafa 'Abdul Rahman, 2005. Hadith 40 (Terjemahan Dan Syarahanya). Dewan Pustaka Fajar.
- [3] Wan Norjihah Wan Abdullah, 2003. Panduan Menjadi Fasilitator. Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [4] Panduan Program Soft Skills, 2005. Penerbit Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia.
- [5] Kertas Kerja Memasyarakatkan Mahasiswa. Khidmat Siswa (K-SISWA) – Kuala Pahang I. 2004.
- [6] Laporan Tahunan Sekolah Kebangsaan Indera Shah Bandar 2005.

Penghargaan

Sekalung terima kasih ditujukan kepada warga kerja Sekolah Kebangsaan Indera Shah Bandar, Kuala Pahang, Pekan, Pahang yang telah memberikan kerjasama. Jawatankuasa kerja kelab EEES untuk sesi 2004/05 yang telah berhempas-pulas menggerakkan aktiviti ini. Komitmen mereka dalam menjayakan program ini sangat dibanggakan.

Bibliografi

- ¹ Mohd Shafie Bin Bakar ketika ini adalah pensyarah dan Dekan di FKEE, KUKTEM. Mula melibatkan diri dengan aktiviti pelajar ketika bekerja dengan Yayasan Pelajaran Johor sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan bekas fasilitator RAKSI di KUKTEM.
- ² Ahmad Johari Bin Mohamad ketika ini berjawatan pensyarah dan Ketua Teknikal di FKEE, KUKTEM. Berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti pelajar. Beliau juga menjadi Felo di Kolej Kediaman Pelajar KUKTEM dan penggerak utama sebagai fasilitator Rakan Siswa (RAKSI) di KUKTEM.
- ³ Wan Nazrul Helmy Bin Wan Mohd Zain ketika ini berjawatan Penolong Pendaftar dan bertugas dengan Unit Tatatertib/Kebajikan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) di KUKTEM. Bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pengalaman beliau dalam kepimpinan pelajar banyak membantu menggerakkan aktiviti pelajar dengan lebih tersusun.
- ⁴ Mohd Shaheil Bin Nordin ketika ini adalah Presiden Kelab EEES bagi sesi 2004/2005 dan pelajar tahun tiga Ijazah Kejuruteraan Elektrik (Sistem Komputer & Rangkaian). Beliau adalah Pengarah K-siswa 1 dan antara ahli jawatankuasa awal yang mencetus idea projek ini. Kepimpinan beliau terserlah apabila EEES telah merangkul Anugerah Kelab Paling Prihatin peringkat KUKTEM hasil kejayaan projek K-siswa.